

Publication	BERNAMA	Section/Page No.	Bisnes, Berita
Date	Rabu, 1 Oktober 2014	Lead Article	
Headline	Takaful Malaysia Sedia Dana Bantu UiTM Lahirkan Pakar Aktuari		

Takaful Malaysia Sedia Dana Bantu UiTM Lahirkan Pakar Aktuari

SHAH ALAM, 1 Okt (Bernama) -- Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia) hari ini menyumbang RM50,000 kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), bagi membantu merealisasikan impian penuntut universiti itu menjadi pakar dalam bidang Sains Aktuari.

Pengarah Urusan Kumpulan Takaful Malaysia, Datuk Mohamed Hassan Kamil berkata menerusi dana itu, UiTM mampu melahirkan lebih ramai aktuari berkelayakan dalam industri insurans tempatan.

"Takaful Malaysia merupakan syarikat pertama yang menghulurkan sumbangan kewangan untuk pemegang ijazah dan diploma program Sains Aktuari demi memenuhi impian pelajar menjadi aktuari berkelayakan.

"Kos pendidikan yang kian meningkat telah mempengaruhi kami untuk menghulurkan sumbangan supaya pelajar dapat memberi tumpuan demi melengkapkan peperiksaan profesional tanpa perlu risau aspek kewangan," katanya ketika berucap di majlis penyerahan cek dana itu di sini, Rabu.

Cek itu diserahkan kepada Dekan Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Prof Dr Azlinah Mohamed.

Mohamed Hassan berkata, Takaful Malaysia turut teruja untuk memberi penerangan kepada penuntut berkaitan kehidupan dan pekerjaan sebagai seorang aktuari.

Katanya, ia berikutan penerimaan bidang aktuari di kalangan pelajar terutama di peringkat sekolah rendah.

"Kami mahu mereka memahami bahawa graduan Sains Aktuari mempunyai peluang pekerjaan yang baik di syarikat insurans dan perunding, kewangan dan pelaburan, broker komoditi mahupun sektor pendidikan," katanya.

Sementara itu, Azlinah berkata, faktor kewangan mengekang penuntut dan graduan jurusan Sains Aktuari universiti itu untuk memperoleh pengiktirafan, sekali gus mencapai tahap sebagai aktuari bertauliah.

"Kos untuk mengambil peperiksaan profesional dalam bidang ini agak mahal, oleh itu kami percaya menerusi peruntukan dana daripada pihak luar, ia dapat memberi peluang dan dorongan kepada mereka untuk menduduki peperiksaan tersebut," katanya.

-- BERNAMA